

GIATMARA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

SEBUT HARGA KALI KEDUA BAGI CADANGAN KERJA-KERJA PEMBINAAN TEMPAT PENTERNAKAN IKAN KELI, BANGSAR, PAGAR DAN LALUAN MASUK SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI KOPERASI KUALA TELANG KUALA LIPIS, PAHANG DI BAWAH PROGRAM DESA LESTARI, KPLB

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GM 400 / PDL / 03 / 2021	TARIKH : 10 MEI 2021 MASA : 10.30 PAGI TEMPAT BERKUMPUL: BALAI RAYA KOPERASI KUALA TELANG, KUALA LIPIS, PAHANG	TEMPOH PENJUALAN : 10 MEI 2021 SAHAJA TEMPAT PENJUALAN : BALAI RAYA KOPERASI KUALA TELANG, KUALA LIPIS, PAHANG	CIDB GRED : G1 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : B04 (KONTRAKTOR DALAM DAERAH SAHAJA)	RM 50.00 (Secara Tunai)	TARIKH & MASA TUTUP : 20 MEI 2021 12.00 TENGAHARI

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-

- Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh **CIDB**.
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB**.
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh **Pusat Khidmat Kontraktor**

Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi **pada tarikh dan waktu taklimat tapak**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

4. **Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **GIATMARA** semasa menghadiri taklimat sebutharga.

- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN,
LOT 11B & 13 B, KEDAI MEDAN TUANKU 1,
LORONG MEDAN TUANKU OFF JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN,
50300, KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga **20 Mei 2021 jam 12.00 tengahari**

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my/>